



Ruj Kami : JANM.JHR.600-1/3/14 Jld.3 (03)
Tarikh : 3 April 2026
14 Syawal 1447H

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

PERINGATAN PENYELESAIAN PEMBAYARAN NOTA TERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (GOODS/SERVICES RECEIVED NOTES (GRN) / FULLFILLMENT RECEIVE NOTES (FRN)) KOD AKAUN L1312959 SEHINGGA 31 MAC 2026

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2023, Tatacara Pengurusan Bayaran adalah berkaitan.

2. Seperti mana pihak YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk melaksanakan pemantauan ke atas pengurusan pembayaran supaya mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan iaitu merangkumi semakan ke atas Nota Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (GRN/FRN). Sekiranya terdapat kesilapan pada GRN/FRN, item tersebut hendaklah dikuiiri dan jika memerlukan pembatalan ia perlu dilakukan dengan kadar segera. Bagi pemantauan dan semakan status terkini pesanan kerajaan, **Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan)** boleh dijana melalui Modul Perolehan di dalam sistem iGFMAS.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan Senarai Nota Terimaan Bekalan Dan Perkhidmatan (*Goods/Services Received Notes (GRN) / Fullfillment Receive Notes (FRN)*) sehingga 31 Mac 2026 untuk semakan pihak YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan dan mohon dilengkapi status pembayaran **selewat-lewatnya pada 17 April 2026** di pautan <https://tinyurl.com/3uesh9fu> Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pegawai Unit Pengurusan Dana, Puan Anuratha a/p Khatheresen atau Puan Sharina Binti Sharin di talian 07-2249244 samb.1052/1048 atau e-mel kepada dana_jhr@anm.gov.my.

Ruj Kami : JANM.JHR.600-1/3/14 Jld.3 (03)

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg.Dato/Datin/Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan”

Saya yang menjalankan amanah,



(LOKMAN BIN LATIP C.A.(M))

b.p Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Johor